

465,674 calon duduki PT3

Archival News | Harian Metro | 13/10/2015

Kuala Lumpur: Seramai 465,674 calon menduduki ujian bertulis Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di 2,667 pusat peperiksaan seluruh negara mulai, semalam.

Peperiksaan memasuki tahun kedua itu menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan bahasa Melayu sebagai kertas pertama.

PT3 merangkumi pelbagai instrumen kertas Geografi dan Sejarah bermula 21 Jun hingga 10 Julai lalu, ujian lisan bertutur dan mendengar (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dari 4 hingga 28 Ogos) serta ujian bertulis bermula semalam hingga khamis ini.

Tinjauan Harian Metro di Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta Petaling Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, di sini, mendapati pelajar hadir seawal jam 7 pagi sebagai persediaan sebelum menduduki peperiksaan yang bermula sejam kemudian.

Pelajar, Ayu Emaira Anuar, 15, berkata, kehadirannya ke sekolah untuk menduduki kertas pertama peperiksaan penting itu diiringi ibunya.

Katanya, dia berazam mendapat keputusan cemerlang demi masa depan selain mahu mengubah kehidupan keluarganya.

"Peperiksaan PT3 bukan mudah, justeru saya mengadakan banyak ulang kaji dalam kumpulan selepas waktu persekolahan hingga lewat petang.

"Usaha sudah dilakukan dan kini, saya bertawakal supaya Allah SWT mempermudah urusan sepanjang menjawab peperiksaan bertulis nanti," katanya.

(END)

Source : Harian Metro